

Persaingan sihat tingkat inovasi, kualiti

» Konsep
diperluaskan
ke sektor
amal monopoli



**RITA BENOY
BUSHON**

Penjualan saham oleh pemegang saham utama dalam Pelikan International Corporation Bhd dan China Stationery Ltd (CSL) berikutan laporan yang belum disahkan mengenai pembubaran perkongsian mereka adalah sesuatu yang membimbangkan.

Jika benar perkongsian itu tidak dapat diteruskan, pengumuman berkaitannya perlu dilakukan untuk makluman semua pemegang saham.

Menyentuh mengenai berita korporat, kami sudah memberi perhatian mengenai langkah Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang baru ditubuhkan, yang mana sudah menyiasat mengenai pakatan AirAsia-MAS.

Kedua-dua syarikat itu masing-masing didenda RM10 juta kerana didapati melakukan pelanggaran serius di bawah Seksyen 4(2)(b) Akta Persaingan.

Mengikut MyCC, apabila sesebuah syarikat bersetuju untuk berkongsi pasaran, mereka sudah bersetuju tidak bersaing dan ini boleh menjejaskan pengguna.

Melihat perkembangan ini, mungkin sudah tiba masanya isu berkaitan persaingan ini

boleh juga diperluaskan ke sektor lain yang mungkin mengamalkan monopoli.

Situasi itu tidak mengagalkan persaingan sihat seperti sektor telekomunikasi, pengalihan tenaga, pengurusan lapangan terbang dan sebagainya.

Persaingan sihat akan meningkatkan inovasi, kualiti dan menghasilkan harga yang lebih berpatutan untuk manfaat pengguna, manakala monopoli sebaliknya mengekang perniagaan dan mengurangkan pembaharuan, seterusnya menyebabkan negara menjadi kurang berdayasaing.

Peranan pelabur institusi

Sementara itu, pada peringkat antarabangsa, dua orang pengarah baru dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah JP Morgan bagi mengimbangi kuasa Ketua Eksekutifnya, Jamie Dimon.

Ini susulan Dimon menjawab kedua jawatan iaitu Pengerusi dan juga Ketua Eksekutif di syarikat berkenaan.

Selain itu, Pengarah Bebas Kanan syarikat juga diberi kuasa yang lebih luas oleh lembaga pengarah, termasuk hak untuk memanggil mesyuarat lembaga pengarah pada bila-bila masa.

Dalam hal ini, pelabur institusi membangkitkan ketidakselesaan mengenai pengimbangan kuasa dalam lembaga syarikat ini dalam mesyuarat agung baru-baru ini.

Kami ingin menonjolkan bahawa pelabur institusi boleh memainkan peranan penting

dalam syarikat yang dilabur untuk menegakkan tadbir urus korporat yang baik.

Penulis

ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG)

“
Mengikut MyCC,
apabila sesebuah
syarikat bersetuju
untuk berkongsi
pasaran, mereka
sudah bersetuju
tidak bersaing
dan ini boleh
menjejaskan
pengguna.
Melihat
perkembangan
ini, mungkin
sudah tiba
masanya isu
berkaitan
persaingan ini
boleh juga
diperluaskan ke
sektor lain yang
mungkin amalkan
monopoli”